

PKR mahu menteri, timbalan menteri bayar petrol sendiri
Malaysian Insider
Sept 3 , 2013
OLEH MD IZWAN

PKR hari ini mendakwa tindakan kerajaan menaikkan harga petrol adalah tidak adil kepada rakyat, dan sekali gus mendesak menteri dan timbalan menteri membayar wang petrol sendiri.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli menyifatkan langkah Putrajaya sebagai menghukum rakyat yang sudah sedia bergelut dengan kesempitan kewangan.

"Ia tidak adil untuk menghukum rakyat yang kini bergelut dengan kesempitan kewangan sedangkan kroni dan sektor korporat tidak disentuh langsung.

"Oleh itu, PKR menggesa Datuk Seri Najib Razak mengarahkan semua menteri dan timbalan menteri membayar sendiri petrol dan diesel yang selama ini ditanggung kerajaan dengan memansuhkan kemudahan petrol dan diesel berbayar," katanya pada sidang media di ibu pejabat PKR, Petaling Jaya hari ini.

Ahli Parlimen Pandan itu juga mengecam pengumuman kenaikan harga petrol oleh Najib sebagai tidak munasabah ketika harga minyak mentah masih murah.

"Sejak April 2011, sebenarnya harga minyak mentah mencatatkan pola penurunan dalam tempoh dua tahun.

"Tidak pernah sekali pun harga petrol dan diesel diturunkan apabila harga mentah ini turun di pasaran dunia," katanya.

Sementara itu, Rafizi melontar cabaran kepada Umno untuk berdebat dengan wakil PKR mengenai isu kenaikan harga minyak.

"Saya juga menggesa Najib supaya membenarkan YB Khairy Jamaluddin (Abu Bakar) berdebat dengan wakil PKR mengenai isu ini kerana sudah pasti beliau sedia berdepan sekiranya tidak disekat oleh Umno," katanya.

Putrajaya semalam mengumumkan menaikkan harga RON95 dan diesel sebanyak 20 sen, bagi memastikan sasaran kerajaan untuk mencapai defisit fiskal dalam lingkungan 3% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2015 dan bajet berimbang menjelang 2020.

Langkah tersebut mendapat sokongan pakar ekonomi yang menyifatkannya sebagai baik bagi menangani hutang kerajaan yang semakin meningkat, iaitu ketika ini berada pada paras 53.5 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada hujung tahun lalu.

Sejurus pengumuman semalam, orang ramai bergegas dan memenuhi stesen minyak serta meluahkan rasa tidak puas hati mereka terhadap langkah kerajaan tersebut.

Kali terakhir minyak petrol RON95 dan diesel adalah naik pada tahun 2010, mengalami kenaikan sebanyak 5 sen seliter. - 3 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-desak-menteri-timbangan-menteri-bayar-petrol-sendiri>